

28 JUL, 2025

# 10 bantuan kewangan untuk sambung belajar

Kosmo, Malaysia



## 16 K!-KAMPUS

KOSMO! ISININ 28 JULAI 2025



# 10 bantuan kewangan untuk sambung belajar



Rencana  
Utama  
Oleh  
SAIRUL ZAMRI  
MISRANI

**K**ATA pepatah, asalkan ada kemahuan pasti ada jalan. K-Kampus minggu ini menampilkan 10 sumber bantuan pendidikan yang diberikan pelbagai pihak sekali gus menjadi panduan buat pelajar-pelajar yang memerlukan. Artikel ini turut berkongsi mengenai anggaran jumlah bantuan pendidikan yang diberikan oleh badan, agensi atau syarikat terbabit, syarat umum yang diperlukan serta cara permohonan.

### 1 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

PTPTN merupakan agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang bertanggungjawab menguruskan pinjaman pendidikan tinggi dan produk simpanan pendidikan. Ia membantu pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Kebiasaannya, PTPTN menawarkan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) yang mana ia merupakan bantuan awal kepada pelajar yang layak sebelum menerima pinjaman penuh.

Wang ini bertujuan membantu pelajar membuat persiapan sebelum memulakan pengajian. WPP diberikan dalam bentuk wang pendahuluan berjumlah RM1,500.

Jumlah pinjaman bergantung kepada beberapa faktor termasuk peringkat pengajian, jenis institusi pengajian dan pendapatan keluarga pemohon. Terdapat tiga kategori pinjaman iaitu pinjaman penuh, 75 peratus daripada pinjaman penuh dan 50 peratus daripada pinjaman penuh.

Mengikut laman web PTPTN, jumlah pinjaman maksimum ditawarkan biasanya hingga RM6,800 bagi asasi, RM21,000 bagi diploma dan RM40,800 bagi ijazah sarjana muda.

Dari segi syarat, permohonan pinjaman PTPTN adalah warganegara Malaysia, berumur tidak lebih 45 tahun dan mendapat tawaran ke institusi awam mahupun swasta atau Politeknik yang diiktiraf.

Untuk memohon, pertama, pastikan mempunyai akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Kemudian, perlu membeli nombor pin PTPTN di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional.

Seterusnya, layari laman web PTPTN untuk mengisi borang permohonan online dengan maklumat dan nombor pin telah dibeli. Keputusan boleh disemak seawal lima hari bekerja.

### 2 Program Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

IA merupakan inisiatif ditawarkan oleh JPA untuk memberikan biasiswa atau tajaan kepada individu yang ingin melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang, sama ada di dalam atau luar negara.

Memetik kenyataan di Facebook JPA, terdapat beberapa jenis biasiswa, antaranya Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) dan Program Dermasiswa B40 (DB40).

PIDN menawarkan biasiswa kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di institusi pengajian tinggi dalam negara.

Program DB40 dikhususkan untuk pelajar dari keluarga berpendapatan rendah (B40).

Tajaan ini adalah dermasiswa penuh, bermakna pelajar tidak perlu membayar balik wang yang telah diberikan.

Calon perlu memenuhi beberapa syarat asas, termasuk warganegara Malaysia, sihat tubuh badan dan tidak menerima tajaan lain untuk peringkat pengajian yang sama.

Biasiswa JPA adalah biasiswa penuh yang meliputi yuran pengajian dan elauan sara hidup. Penerima biasiswa juga akan menerima elauan buku sebanyak RM1,000 setahun dan tajaan tiket penerbangan jika pengajian di luar negara. Sebagai syarat, penerima perlu berkhidmat dengan kerajaan selepas tamat pengajian.



### 3 Bantuan zakat

BANTUAN zakat pendidikan yang ditawarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri di setiap negeri adalah skim bantuan awal untuk pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara.

Bantuan ini diberikan kepada pelajar yang memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Bagi syarat kelayakan umum, pemohon mestilah warganegara Malaysia beragama Islam dan merupakan anak kelahiran negeri terbabit selain berumur 18 tahun ke atas.

Syarat lain adalah pemohon mesti memiliki surat tawaran dari institusi yang dipohon dan pendapatan per kapita

keluarga tidak melebihi RM800 bagi setiap tanggungan (termasuk ketua keluarga).

Bagi kadar bantuan pula, ia berbeza mengikut tahap pengajian. Bagi sijil, pemohon akan mendapat bantuan zakat sebanyak RM500 bagi semester pertama.

Bagi diploma pula, pelajar akan menerima RM1,000 bagi semester pertama dan ijazah pula RM1,500 bagi permulaan semester.

Pemohonan boleh dilakukan secara dalam talian dengan melayari mana-mana laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri misalnya di [epayment.maj.gov.my](http://epayment.maj.gov.my) bagi Majlis Agama Islam Negeri Johor.

### 4 Bantuan Yayasan Negeri

BANTUAN pendidikan yang ditawarkan oleh yaysan negeri merupakan inisiatif kerajaan negeri untuk membantu pelajar melanjutkan pelajaran.

Bantuan ini biasanya diberikan dalam bentuk wang tunai, yuran pengajian atau bantuan sara hidup.

Setiap yaysan negeri mempunyai kriteria permohonan berbeza, maka pemohon perlu menyemak maklumat lanjut di laman web rasmi yaysan negeri masing-masing untuk memohon. Bantuan pendidikan yang ditawarkan oleh yaysan negeri berbeza-beza mengikut jenis bantuan dan peringkat pengajian.

Yaysan Perak misalnya menawarkan Insentif Siswa Yaysan Perak (INSISYP) dalam dan luar negara serta bantuan dermasiswa Yaysan Negeri Perak. INSISYP biasa memberi bantuan one-off untuk pelajar melanjutkan pengajian ke universiti dalam dan luar negara dengan nilai bantuan antara RM300 hingga RM2,000 bergantung peringkat pengajian.

28 JUL, 2025

# 10 bantuan kewangan untuk sambung belajar



Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2



YAYASAN PELAJARAN MARA

## 5 Bantuan Skim Dana Ehsan (SDEP)

SKIM Dana Ehsan Pendidikan (SDEP) adalah bantuan kewangan yang disediakan oleh Yayasan Pelajaran Mara (YPM) kepada pelajar institusi pengajian tinggi yang menghadapi masalah kewangan.

Tujuannya adalah untuk meringankan beban kewangan pelajar dan memastikan mereka dapat meneruskan pengajian tanpa halangan serta mencapai keputusan cemerlang.

Kebiasaannya SDEP menawarkan bantuan kewangan one-off dan disalurkan kepada pelajar yang layak semasa tempoh pengajian atau bakal pelajar.

Pelajar boleh mengemukakan permohonan di laman sesawang YPM. Isi borang dengan lengkap beserta dokumen yang telah disahkan seperti yang tersenarai dalam senarai semak YPM.

Syaratnya cukup mudah iaitu pemohon mestilah bumiputera warganegara Malaysia dan pendapatan keluarga tidak melebihi RM3,000 sebulan.

Kebiasaannya, bantuan one off ini ditawarkan untuk pelajar institusi pengajian tinggi dengan jumlah maksimum RM1,000.



## 6 Bantuan Kewangan KPT - Kluster B40 & M40

BANTUAN kewangan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk kluster B40 dan M40 disediakan untuk membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah melanjutkan pengajian. Bantuan merangkumi bantuan yuran, elaun sara hidup dan pembiayaan pengajian.

Ia termasuk Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK). Ia ditawarkan kepada pelajar Kolej Komuniti peringkat sijil dan diploma kurang berkemampuan dengan syarat pendapatan isi rumah tidak lebih RM3,000 sebulan.

Seterusnya inisiatif meringankan beban

keluarga B40 bagi yuran pendaftaran. KPT menetapkan had yuran pendaftaran sehingga RM1,500 dan memastikan pelajar B40 yang layak tidak dihalang daripada mendaftar di universiti awam. Selain itu, terdapat program Dermasiswa B40 TVET yang memberi bantuan kewangan khusus untuk pelajar B40 dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Maklumat lanjut mengenai cara memohon boleh diperoleh melalui laman web KPT atau menghubungi Bahagian Biasiswa & Pembiayaan KPT.

## 7 Biasiswa Khazanah Global & Lestari



KHAZANAH NASIONAL

BIASISWA Khazanah Global dan Lestari adalah program biasiswa yang ditawarkan oleh Yayasan Khazanah untuk pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di universiti terkemuka dunia.

Biasiswa ini merangkumi sokongan kewangan untuk yuran pengajian, elaun sara hidup, tiket penerbangan, insurans perubatan dan juga peluang pembangunan kepimpinan dan jaringan profesional

Yayasan Khazanah.

Bagi Biasiswa Global Khazanah, ia menawarkan peluang pengajian di peringkat sarjana di universiti terkemuka dunia dan memfokuskan kepada bidang-bidang yang berkaitan dengan pembangunan lestari dan keperluan masa depan tenaga kerja.

Syarat kelayakan termasuk kewarganegaraan Malaysia, kelayakan akademik yang baik dan tidak melebihi umur 60 tahun pada tarikh mula pengajian.

## 8 Biasiswa Petronas

BIASISWA Petronas atau Program Penajaan Pendidikan Petronas (PESP) adalah program tajaan pendidikan yang ditawarkan oleh Petronas kepada pelajar cemerlang di Malaysia.

Ia bertujuan pelajar cemerlang melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara, serta membangunkan bakat yang berpotensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan Petronas, industri dan negara.

Biasiswa Petronas merangkumi pelbagai peringkat pengajian, termasuk SPM, ijazah pertama dan pengajian pascasiswazah. Kriteria dan syarat pemilihan pelajar

dibuat berdasarkan pencapaian akademik yang cemerlang, potensi kepimpinan dan komitmen untuk beri impak positif kepada masyarakat.

Pemohonan biasiswa dibuka pada tarikh ditetapkan oleh Petronas dan boleh dibuat secara dalam talian melalui laman web rasmi Petronas. Jumlah biasiswa Petronas berbeza-beza bergantung kepada jenis program dan peringkat pengajian. Untuk maklumat jumlah biasiswa Petronas rujuk laman web Petronas.

## 9 Biasiswa Maybank

BIASISWA Maybank menawarkan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar cemerlang di Malaysia dan rantau Asean. Biasiswa ini meliputi yuran pengajian, elaun sara hidup dan elaun kedatangan bagi pengajian di universiti terpilih.

Pemohonan biasiswa dibuka pada awal tahun. Ia terdiri dua jenis biasiswa. Pertama menerusi program biasiswa Maybank Group yang merupakan tajaan biasiswa penuh untuk pengajian di universiti terpilih di Malaysia dan United Kingdom. Ia terbuka kepada pelajar cemerlang dari segi akademik, kokurikulum dan kepimpinan.

Manfaat tambahan daripada penajaan ini adalah dari segi pembangunan kemahiran, pengalaman bekerja dengan Maybank dan peluang kerja selepas tamat pengajian.

Kedua, Biasiswa ASEAN-Maybank iaitu biasiswa penuh untuk pengajian di universiti yang tersenarai di rantau ASEAN. Ia meliputi yuran pengajian, elaun sara hidup, elaun kedatangan dan terbuka kepada rakyat Asean yang berkelakayan. Layari laman rasmi Maybank Foundation untuk maklumat lanjut mengenai program biasiswa dan cara memohon.



## 10 Biasiswa Tenaga Nasional Berhad

BIASISWA Tenaga Nasional yang dikelola Yayasan Tenaga Nasional (YTN) adalah program beasiswa yang ditawarkan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi baik di dalam negara (Universiti Tenaga Nasional - Uniten) mahupun di universiti terkemuka di luar negara.

Ia juga dikenali sebagai TNB Prime Scholarship dan terbuka kepada pelajar dari peringkat persediaan atau asasi hingga ijazah sarjana muda.

Untuk rekod, Yayasan Tenaga Nasional telah memberikan bantuan pendidikan kepada lebih 21,000 pelajar dengan hampir RM2 billion sejak 1993.

Biasiswa ini merangkumi pelbagai bidang seperti kejuruteraan elektrik, tenaga boleh baharu, sains komputer, perakaunan dan lain-lain.

Pemohonan perlu dibuat secara online, diikuti penyelarasan pendek, muat naik dokumen sokongan (jika



disenarai pendek) dan temu duga (bersemuka atau dalam talian). Syarat dan kriteria Biasiswa Prime Scholarship mestilah warganegara Malaysia dan umur tidak melebihi 19 tahun pada 1 Januari pada tahun permohonan dibuat selain tiada adik-beradik yang sedang menerima tajaan biasiswa sama serta tidak menerima tajaan lain.